

“Save a Life Campaign” ~ Program Derma Darah

By **SITI NURFAEZAH BT ABU BAKAR**

Executive, Quality, Safety, Health & Environment Department

Setiap tahun, Jabatan QSHE akan mengadakan program yang dipanggil “**Save A Life Campaign**” iaitu merupakan sebuah program menderma darah oleh semua pekerja di syarikat ini. Program amal ini bolehlah dianggapkan



sebagai acara atau program tahunan di Syarikat ini dan untuk kali yang ke 4, ianya telah berlangsung pada hari Sabtu, 18hb September 2015. Kali ini Jabatan QSHE telah berjaya mengadakan program ini dengan mendapat kerjasama dari Pusat Darah Negara (PDN) dan sambutan hangat diberi oleh kalangan kakitangan syarikat ini.

Five minutes of your time + 350 ml. of your blood = One life saved.

Tujuan utama program amal ini adalah untuk mengeratkan silaturahmi diantara pekerja dan majikan disamping melahirkan rasa prihatin terhadap insan-insan yang memerlukan bantuan untuk menyelamatkan nyawa mereka. Ini adalah kerana pendermaan darah adalah salah satu cara kita sebagai manusia yang hidup di muka bumi ini dapat berkongsi kesusahan yang dialami oleh manusia lain. Pada tahun ini, program bermula pada jam 9.30 pagi sehingga 1.00 petang di Tingkat 2, Ibu Pejabat Cofreth (M) Sdn Bhd.

If you're a blood donor, you're a hero to someone, somewhere, who received your gracious gift of life.



Seramai 49 kakitangan telah memberi sokongan mereka dengan mendaftar diri untuk menderma darah. Kebanyakan mereka adalah golongan yang tegar menderma darah mereka kepada insan yang memerlukan. 🌱